

Fail Tuan :  
Your Ref :Tarikh : 16  
Date : Februari 2026Fail Kami :  
Our Ref : MATRADE.600-10/2/1 JLD.35 (16)

Puan Linda Tan  
Semi Singapore Pte Ltd  
152 Beach Rd  
#09-03/04 Gateway East  
189721 Singapore

## PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN PAMERAN DAN PERSIDANGAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA BAGI SEMICON SEA 2026

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan untuk pengesahan pengiktirafan pameran dan persidangan perdagangan antarabangsa bagi **SEMICON SEA 2026** yang akan berlangsung pada **5 – 7 MEI 2026** di **MALAYSIA INTERNATIONAL TRADE AND EXHIBITION CENTRE (MITEC)** telah diluluskan. Nombor rujukan acara yang diluluskan ialah **ME18(12/02)26**. Sila rujuk pautan <https://www.matrade.gov.my/en/choose-malaysia/trade-events/held-in-malaysia/registered-endorsed-by-matrade> di laman portal MATRADE. Manfaat menyokong acara dengan MATRADE adalah seperti di LAMPIRAN I.

3. Sehubungan dengan itu, dimohon untuk pihak penganjur menyerahkan dokumen untuk acara ini bagi tujuan rekod MATRADE. Dokumen-dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

- Salinan pameran perdagangan atau direktori pameran yang mengandungi senarai peserta pameran;
- Memaklumkan kepada MATRADE sekiranya terdapat sebarang perubahan tarikh program atau pembatalan acara. Sekiranya MATRADE tidak menerima pemberitahuan lanjut daripada penganjur, tarikh acara itu dianggap kekal.

4. Bagi tujuan permohonan Geran Pembangunan Pasaran (MDG), penganjur acara dikehendaki mengemukakan Laporan Diaudit (Audited Report) acara ini dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh akhir acara.

Kelulusan MDG juga tertakluk kepada kriteria yang telah ditetapkan sepertimana garis panduan MDG dari laman web rasmi MATRADE. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Unit Pembangunan Pasaran**

Tingkat 2, Sayap Timur, Menara MATRADE

Jalan Sultan Haji Ahmad Shah

50480 Kuala Lumpur

Tel : 603-6207 7066

E-mel : [mdg@matrade.gov.my](mailto:mdg@matrade.gov.my)

Web : <https://www.matrade.gov.my/en/export-to-the-world/trade-facilitation-page/market-development-grant>

5. Makluman pengesahan pengiktirafan pameran dan persidangan perdagangan antarabangsa ini melindungi MATRADE daripada sebarang tuntutan atau implikasi undang-undang, dari segi kewangan dan bukan kewangan yang mungkin timbul semasa penganjuran dan pengendalian acara tersebut. MATRADE ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada penganjur bagi inisiatif ini.


6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi Puan Shafinaz Riza Zamhari di e-mel [iza@matrade.gov.my](mailto:iza@matrade.gov.my) atau Puan Rozana Abdul Razak di e-mel [rozana@matrade.gov.my](mailto:rozana@matrade.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NURDIANA ABDULLAH)**

Timbalan Pengarah

Unit Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

Seksyen Program Khas dan Perdagangan Digital

s.k : YBrs. Abu Bakar Yusof  
Ketua Pegawai Eksekutif  
MATRADE

Encik Mansor Shah Wahid  
Timbalan Ketua Eksekutif  
Pembangunan Pengeksport

Encik S. Jai Shankar  
Timbalan Ketua Eksekutif  
Akselerasi Eksport

**FAEDAH PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN PAMERAN DAN PERSIDANGAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI YANG DIADAKAN DI  
MALAYSIA**

---

1. Penyenaraian acara dalam portal MATRADE.
2. Penyenaraian acara dalam MATRADE direktori perdagangan dan pameran industri di Malaysia.
3. Promosi acara melalui pejabat MATRADE Wilayah dan Pejabat MATRADE di Luar Negara.
4. Promosi acara semasa aktiviti promosi MATRADE.
5. Penggunaan logo MATRADE dengan kapsyen "DIIKTIRAF OLEH" pada semua bahan bercetak acara tersebut.
6. Syarikat layak untuk memohon pembayaran balik perbelanjaan yang layak untuk menyertai pameran atau pameran perdagangan antarabangsa yang diadakan di Malaysia tertakluk kepada terma dan syarat permohonan geran.
7. Permohonan insentif cukai untuk Potongan Cukai Dua Kali di bawah promosi eksport untuk pempamer dan Pengecualian Cukai untuk penganjur acara (tertakluk kepada peraturan dan peraturan yang lazim).

**NOTA:**

- i. Permohonan pengesahan pengiktirafan pameran dan persidangan perdagangan antarabangsa yang telah diluluskan tidak boleh mengganggu MATRADE daripada sebarang tuntutan undang-undang, sebarang implikasi, secara kewangan dan bukan kewangan yang mungkin timbul dalam pengacaraan dan pengendalian acara.
- ii. Sila hubungi terus ke Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berkenaan insentif cukai seperti yang dinyatakan di para no.7 di atas. Ini tertakluk kepada peraturan dan peraturan lazim dari LHDN.